



KENYATAAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) (NOTIS PELAWAN CADANGAN)

CADANGAN PEMBANGUNAN RESIDENSI PRIHATIN KELUARGA MALAYSIA (RPKM) MAWAR DI ATAS TANAH PT 15419 (PLOT 19RK7) DI PRESINT 19, PUTRAJAYA SECARA REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) (No. RFP: PPj/RFP/JR/1/2022)

- RFP ini adalah dipelawa daripada Syarikat yang berdaftar dengan syarikat diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dengan Jenis Perniagaan Pemaju Hartanah/Property Development dan dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut.
- Maklumat RFP serta kelayakan asas pembida adalah seperti berikut:

SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT RFP TUTUP
Syarikat diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dengan Jenis Perniagaan Pemaju Hartanah/Property Development	23 Jun 2022 (Khamis) 10:00 pagi Bilik Mesyuarat Cemara, Aras 5, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya (Kehadiran adalah digalakkan) Maklumat berkaitan tender dalam bentuk <i>slide</i> juga boleh didapati di pautan https://www.ppj.gov.my/second-page/tender	23 Jun 2022 (Khamis) sehingga 1 Julai 2022 (Jumaat) Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia RM50.00 (Tidak Dikembalikan) Tunai atau Draf Bank Perbadanan Putrajaya	1 Ogos 2022 (Isnin) 12.00 tengah hari Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

- Syarikat juga wajib memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - Mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya sebanyak **RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Juta sahaja)**
 - Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang serupa (rangkaian) bernilai sekurang-kurangnya **RM100,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Juta)** bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu
 - Wang Kesungguhan (Earnest Money) perlu dikemukakan dalam bentuk draf bank **berjumlah RM100,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Ribu sahaja)**
 - Selaras dengan Dasar Pemerkasaan Bumiputera, Syarikat pembida dikehendaki mengemukakan cadangan **penyertaan Bumiputera sebanyak 30%** dalam syarikat
- Dokumen RFP boleh disemak dan dokumen RFP boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
- Kehadiran Kontraktor/Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** namun Kontraktor/Syarikat adalah digalakkan untuk hadir bagi memastikan Kontraktor/Syarikat mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan jelas berkaitan RFP ini. Maklumat berkaitan RFP ini juga boleh didapati secara atas talian dalam bentuk *slide* menerusi laman web seperti di atas.
- Dokumen RFP hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil syarikat yang sah sahaja di mana wakil-wakil syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil syarikat juga hendaklah membawa dokumen-dokumen **asal** dan **satu (1) salinan** Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- RFP ini akan ditutup pada **1 Ogos 2022, bersamaan hari Isnin, jam 12:00 tengah hari**. Dokumen RFP yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti RFP yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
- Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan RFP ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk dokumen RFP tidak akan diterima. Bayaran dokumen RFP tidak akan dikembalikan.